

Isu pilihan raya PBT

# 'Fokus hal lebih diperlukan'

2 kementerian tetap sedia bincang isu pilihan raya secara menyeluruh.

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menegaskan pelaksanaan pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT) tertakluk di bawah kuasa Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sehubungan itu, katanya, beliau akan mengadakan pertemuan bersama Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming bagi membincangkan cadangan perkara itu secara menyeluruh.

Beliau yang tidak menolak keperluan mengadakan pilihan raya PBT bagaimanapun, menegaskan terdapat keperluan mendasak lain yang perlu dilaksanakan bagi menjamin kelestarian dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

"Saya ingin menekankan kita perlu meneliti perkara penting perlu dilaksanakan, khususnya di Kuala Lumpur, selain tidak menolak ada kepentingan seperti milotarkan sebahagian pihak mengenai pilihan raya PBT.

"Ia (pelaksanaan pilihan raya PBT) sebenarnya di bawah (bilang kuasa) KPKT. Justeru, saya akan berbincang dengan Kor



Dr Zaliha (tengah) mendengar taklimat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Menara DBKL, Kuala Lumpur yang turut disertai Kamarulzaman, semalam. (Foto BERNAMA)

Ming untuk meneliti perkara ini lebih lanjut dan bagaimana ia boleh dilaksanakan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau turut menghadiri sesi taklimat berhubung perancangan dan fokus Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjelang 2024 yang turut dihadiri Datuk Bandar, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh.

Semalam, Dr Zaliha dipetik berkata, fungsi PBT serta peranan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dalam mendepani isu bangunan strata di Wilayah Persekutuan perlu diberi keutamaan, berbanding cadangan melaksanakan pilihan raya PBT.

Kelmarin, Penasihat merangkap Pengerusi DAP Kuala Lumpur, Tan Kok Wai menggesa pilihan raya PBT diadakan susulan rombakan Kabinet baru-baru ini, yang menyaksikan pembentukan

portfolio khusus untuk Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Parlimen Cheras itu ketika berucap pada Konvensyen DAP Kuala Lumpur dilaporkan berkata, desakan secara konsisten parti itu supaya memansuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan bertujuan mengelak campur tangan politik dalam pentadbiran di bandar raya berkenaan.

**Cetus pelbagai reaksi**

Bagaimanapun, pelbagai pihak termasuk UMNO menentang cadangan itu.

Pelaksanaan pilihan raya PBT di Malaysia digantung pada 1960-an dan diganti sistemantikan ketua dengan jawatan Datuk Bandar atau yang dipertua, termasuk ahli majlis dibuat oleh kerajaan negeri.

Sementara itu, Dr Zaliha ber-

kata, pihaknya akan berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menentukan sama ada status Jabatan Wilayah Persekutuan dikekalkan atau sebaliknya.

"Setakat ini, status Jabatan Wilayah Persekutuan masih kekal dan sama ada ia akan berubah kepada kementerian atau sebagainya akan ditentukan kelak. Saya akan membincangkan hala tuju ini bersama Anwar.

"Sudah pasti fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan lebih luas, tetapi jika diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, ia masih di bawah tanggungjawab Perdana Menteri.

"Justeru, saya akan serahkan kepada Anwar untuk menentukan hala tuju ke hadapan. Apa-apa pun tanggungjawab saya akan dilaksanakan sebaik mungkin," katanya yang juga Ahli Parlimen Sekijang.